

CBP CATAT KEUNTUNGAN RM131 JUTA

1. Co-opbank Pertama (CBP) terus mencatatkan prestasi kewangan yang cemerlang dengan mencatatkan keuntungan RM131.13 juta bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2025.
2. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 5.6% beranding tahun kewangan tahun 2024 iaitu sebanyak RM124.20 juta.
3. Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Khairil Anuar Mohammad Anuar berkata, walaupun berdepan dengan ketidakpastian pasaran global sepanjang tahun 2025, CBP masih berjaya mencatatkan prestasi yang cemerlang.
4. “Selain mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM131.13 juta, aset CBP juga menunjukkan peningkatan sebanyak 12.8 peratus iaitu daripada RM12.84 bilion kepada RM14.48 bilion.
5. “Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, dana pemegang syer CBP menunjukkan peningkatan 7 peratus daripada RM1.92 bilion kepada RM1.94 bilion pada tahun 2025,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.
6. Dalam masa yang sama juga, Khairil Anuar turut berkata, suku pertama CBP dijangka akan dilancarkan dalam suku kedua 2026 yang disasarkan antara RM400 juta hingga RM1 bilion bergantung kepada keadaan pasaran, keperluan pelabur dan keperluan likuiditi CBP.
7. Dalam masa yang sama juga, CBP turut memperkukuhkan lagi jenamanya dengan memperkenalkan beberapa produk dan perkhidmatan baharu seperti Pembiayaan Auto-i, Takaful Travel dan lain-lain lagi yang dapat mengukuhkan jenam CBP dalam industri kewangan negara.
8. Tambah Khairil Anuar lagi, CBP dilihat mampu untuk terus berdaya saing dengan institusi-institusi kewangan lain dengan menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan dengan kadar yang kompetitif.

-TERIMA KASIH-

Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai sebuah co-opbank. CBP terus berkembang dengan kini mempunyai sebanyak 35 cawangan termasuk outlet di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cbp.com.my.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Unit Komunikasi Korporat, Co-opbank Pertama

ukk@cbp.com.my